

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA

TARIKH : 20.11.2017

SOALAN : NO. 27

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana hasil pemilihan kepimpinan kampus yang dianggap sebagai cerminan sokongan memberi impak kepada sokongan mahasiswa terhadap kepimpinan Kerajaan pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang bulan September sehingga Oktober 2017, Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah yang serius kerana mahasiswa di universiti awam (UA) mempunyai intelektual dan cintakan negara.

Hasil keputusan terkini PMPP membuktikan bahawa kepimpinan kampus menyokong aspirasi universiti menang dengan majoriti di semua UA.

Mahasiswa telah faham betapa pentingnya bagi mereka mempunyai rasa kecintaan dan jati diri kepada negara kerana mereka merupakan pemimpin serta tunjang dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara di samping memastikan keharmonian negara terus kukuh pada masa akan datang. Kefahaman ini sekaligus memberi impak kepada sokongan mahasiswa terhadap kepimpinan Kerajaan yang memerintah pada ketika ini.